

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 JANUARY 2017

Dr. M enggan mohon maaf

WM - 8/1/2017

SHAH ALAM 7 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad enggan memohon maaf berhubung kenyataannya yang menyifatkan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji yang mabrur.

Beliau juga menolak pandangan pelbagai pihak termasuk mufti yang tidak bersetuju dengan kenyataannya itu yang dibuatnya ketika berceamah di Taman Wira Mergong, Alor Setar, Kedah itu pada bulan lalu.

Dr. Mahathir berkata, mereka yang menyangkal dakwaannya itu kononnya telah dibayar untuk bercakap demikian manakala mufti menafikannya kerana mereka di pihak kerajaan.

"Kenapa saya perlu mohon maaf, mereka yang katakan saya salah dia dibayar untuk berbuat demikian.

"Mereka tak cakap perkara betul dan jadi mufti kerajaan kena puji kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas me-



MAHATHIR MOHAMAD

rasmikan lagu dan laman sesawang Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), di sini hari ini.

Dr. Mahathir sebelum ini mendakwa haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ekoran kenyataan itu, ramai pihak menyangkalnya termasuk beberapa mufti dari Pahang, Kelantan dan Perak.